



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)
TAHUN 2025**

Kementerian Pendidikan (KPM) memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2025 akan diumumkan pada **31 Mac 2026 (Selasa)**. Seramai 413,299 calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM Tahun 2025 di 3,350 pusat peperiksaan seluruh negara.

Calon sekolah boleh memperoleh keputusan peperiksaan SPM Tahun 2025 daripada sekolah masing-masing **mulai pukul 10:00 pagi** pada tarikh tersebut. Calon persendirian boleh menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri tempat calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan bagi memperoleh keputusan peperiksaan.

Pihak sekolah hendaklah memastikan pengurusan penyerahan keputusan peperiksaan SPM Tahun 2025 kepada calon dilaksanakan secara cekap dan teratur.

Calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan peperiksaan melalui kaedah berikut:

- i. Secara dalam talian melalui pautan **myresultspm.moe.gov.my** untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan SPM Tahun 2025 mulai pukul 10:00 pagi pada 31 Mac 2026 (Selasa) sehingga pukul 6:00 petang pada 6 April 2026 (Isnin); dan/atau
- ii. secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan ringkasan keputusan peperiksaan SPM Tahun 2025 dengan menaip **SPM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan **hantar ke 15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai pukul 10:00 pagi pada 31 Mac 2026 (Selasa) sehingga pukul 6:00 petang pada 6 April 2026 (Isnin).

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua calon peperiksaan SPM Tahun 2025. Semoga kejayaan yang diraih menjadi pemangkin untuk terus melakar kecemerlangan pada masa hadapan.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
9 MAC 2026**